

**PENERBITAN**



## PENERBITAN 2011

Berdasarkan matlamat dan misi Universiti untuk memenuhi keperluan penerbitan ilmiah. Unit Penerbitan sentiasa komited untuk memperkasa dan melestarikan penerbitan ilmiah Universiti. Ini dapat dilihat dalam usaha yang berterusan melalui pelbagai inisiatif untuk memajukan kecemerlangan ilmu pengajian tinggi dengan meletakkan prospek penerbitan ilmiah ke arah satu matlamat yang sama.

Sepanjang tahun 2011 Unit Penerbitan menerbitkan sebanyak 20 judul buku bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta penyebaran ilmu kepada masyarakat umum. Unit Penerbitan juga sentiasa memastikan kecemerlangan penyelidikan berterusan melalui penerbitan lima[5] jurnal pada tahun 2011. Pada tahun 2011 juga Universiti Malaysia Perlis mengorak satu lagi langkah dengan menerbitkan sebuah lagi jurnal baru yang berjudul *International Journal of Business and Technopreneurship*. Manakala, dalam usaha menyokong pembelajaran dan pengajaran di Universiti, Unit Penerbitan menerbitkan 9 judul modul makmal dan pengajaran. Selain itu, Unit Penerbitan juga terlibat dalam menguruskan terbitan khas seperti buku program, poster, risalah, banting dan brosur. Sehingga 31 Disember 2011 sebanyak 10 terbitan khas telah diurus terbit.

Jenis Penerbitan	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	Jumlah
Buku	-	-	2	7	6	4	10	10	20	59
Jurnal	-	1	1	1	1	2	2	2	5	15
Modul Pengajaran	-	-	3	2	1	3	4	3	1	17
Modul Makmal	-	-	3	35	28	28	16	18	8	136
Lain-Lain	6	-	33	18	24	5	6	18	10	120
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>1</b>	<b>42</b>	<b>63</b>	<b>60</b>	<b>42</b>	<b>38</b>	<b>40</b>	<b>44</b>	<b>336</b>

Jenis Penerbitan Tahun 2011




## Program Pembangunan Dan Pemerkasaan Penulisan Ilmiah Staf Akademik UniMAP

Dalam usaha meningkatkan jumlah penerbitan setiap tahun beberapa program latihan penulisan dan pembangunan manuskrip terus dirangka bagi membantu Unit Penerbitan memperolehi manuskrip dan karya yang bermutu serta berkualiti bagi mengangkat kesarjanaan dalam pelbagai bidang kejuruteraan dan pengajian lain di UniMAP. Pada tahun 2011 Unit Penerbitan telah mengadakan dua siri Bengkel Bina Inspirasi Penulis Buku Siri I pada 9 Mac 2011 dan Siri II pada 29 November 2011. Penganjuran bengkel ini adalah sebahagian dari usaha mengenalpasti kumpulan-kumpulan penulis yang telah menyata minat untuk menulis. Melalui siri bengkel ini Unit Penerbitan dapat mengesan dan membimbing ahli akademik dalam menghasil penulisan dan karya ilmiah untuk universiti.

## PEMASARAN DAN PENJUALAN BAHAN TERBITAN

### Hasil Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2006-2011

Sepanjang tahun 2011 hasil jualan bahan terbitan yang terkumpul ialah sebanyak RM 58,340.99 iaitu peningkatan sebanyak 37.8 peratus berbanding jualan pada tahun sebelumnya. Peningkatan hasil jualan adalah hasil daripada penumpuan ke atas pelan promosi dan pemasaran secara agresif melalui pelbagai medium seperti penyertaan pesta dan pameran buku di seluruh Malaysia serta jualan secara atas talian (online). Unit Penerbitan menyertai beberapa siri pameran buku di peringkat kebangsaan dan negeri sepanjang tahun 2011.



## Statistik Tempahan Bahan Terbitan 2011

Sepanjang tahun 2011 Unit Penerbitan telah menerima dan menguruskan sebanyak 83 tempahan pembelian buku terbitan Universiti Malaysia Perlis yang mana nilai keseluruhan tempahan berjumlah RM 33,637.70. Kebanyakan tempahan ini diterima daripada syarikat pembekal dan kontraktor buku di seluruh Malaysia, agensi dan jabatan kerajaan, serta tempahan individu.

Jumlah Tempahan Pembelian Buku Yang Diterima Bagi Tahun 2006-2011

